

# Rezeki ikan haruan bawa balik RM30,000

RM 27/02/24 MIS 30

**MELAKA:** Ikan haruan seberat 1.2 kilogram (kg) menobatkan seorang anggota tentera dari Kem Terendak memenangi hadiah wang tunai RM30,000 selaku juara pada Pertandingan Memancing sempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TM2024) di Pengkalan Rama, semalam.

Bagi Muhammad Ridzwan Ismail, 34, berkata, kemenangan tersebut memang tidak disangka kerana dia sudah putus asa ketika tempoh masa sejam sebelum pertandingan tamat.

Menurutnya, sejak dari awal pagi dia hanya berjaya menaikkan beberapa ekor ikan tilapia bersaiz kecil dengan menggunakan umpan cacing.

Katanya, dia mengambil keputusan menggunakan anak ikan hidup dan tidak sampai 10 minit jorannya disambar ikan haruan tepat pada pukul 11.34 pagi.

"Ini kemenangan bermakna buat saya dan sebagai hadiah untuk anak ketiga saya yang dijangka lahir Jun ini.

"Sebenarnya hati saya dah rasa takkan menang apa-apa sebab banyak anak ikan tilapia saya dapat. Saya cuba nasib tukar umpan anak ikan dan harap ada keajaiban."

"Alhamdulillah rezeki saya dapat naikkan ikan haruan seberat 1.2 kg sekaligus menobatkan saya selaku juara menewaskan 1,200 kaki pancing yang menyertai pertandingan ini," ujar bapa kepada dua orang anak itu.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Ketua Menteri, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh.

Sementara itu buat bekas pesara tentera Anuar Mamat, 52, dari Kuala Selangor agak kecewa apabila ikan bandaraya yang dijinakkan seberat 905 gram pada mulanya menduduki ranking pertama.

Katanya, ikan yang dikailnya pada pukul 9.12 pagi hanya mampu bertahan selama dua jam sebelum dipintas ikan haruan yang didaratkan Muhammad Ridzwan.